

SUSUNAN IX

Pengukuran untuk sempadan pentadbiran

1. Susunan ini memperuntukkan fi pengukuran bagi sempadan negeri, daerah, mukim, bandar dan desa.
2. Fi pengukuran untuk sempadan negeri yang dikenakan caj di bawah Susunan ini bagi setiap kerja hendaklah mengandungi caj yang berikut:
 - (a) caj asas setiap kerja – RM1,000.00;
 - (b) caj bagi menerabas termasuk garisan sambungan untuk azimuth, garisan sambungan dan kawalan ialah RM4.00 bagi setiap meter;
 - (c) caj bagi pengukuran untuk penetapan semula tanda sempadan lama yang hilang atau beralih kedudukan ialah RM170.00 bagi setiap tanda yang ditanam pastian atau diganti;
 - (d) caj bagi Ukur Kawalan ialah seperti yang diberikan di bawah Susunan X (Terabas Kawalan) atau Susunan XI (Penentuan Titik Dengan Satelit) atau kedua-duanya bergantung kepada keperluan;
 - (e) caj bagi pengukuran jalur dengan butiran dan kontur melibatkan sempadan tanah ialah RM5,740.00 bagi setiap kilometer dengan suatu kelebaran koridor maksimum 20 meter. Bagi kelebaran koridor melebihi daripada 20 meter, fi dikenakan hendaklah berkadar dengan pertambahan dalam kelebaran;
 - (f) caj bagi pengukuran jalur dengan butiran dan kontur melibatkan sempadan sungai ialah RM6,200.00 bagi setiap kilometer, dengan menerabas pada satu bahagian sungai dan mengumpul butiran untuk kedua-dua tebing sungai;
 - (g) caj bagi menentukan cadangan sempadan negeri yang dicadangkan ialah RM100.00 setiap kilometer;
 - (h) caj bagi pengukuran muktamad sempadan negeri ialah RM4.00 bagi setiap meter;
 - (i) caj bagi pembinaan monumen yang serupa dengan tanda Jenis C Jabatan Ukur dan

Pemetaan ialah RM300.00 bagi setiap monumen;

(j) jika data pengukuran diperlukan untuk dikemukakan dalam format digital, suatu caj tambahan sebanyak 20% daripada caj di bawah perenggan (b), (c), (d), (e), (f), (g), (h) dan (i) di atas adalah terpakai;

(k) dalam kawasan keselamatan—

(i) jika pas keselamatan atau permit perlu diperoleh daripada pihak berkuasa yang berkenaan, suatu caj tambahan sebanyak 25% daripada caj di bawah perenggan (a), (b), (c), (d), (e), (f), (h), dan (i) di atas adalah terpakai; atau

(ii) jika pengiring bersenjata diperlukan dan waktu bekerja telah ditetapkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan, suatu caj tambahan sebanyak 50% daripada caj di bawah perenggan (a), (b), (c), (d), (e), (f), (h) dan (i) di atas adalah terpakai; dan

(iii) jika terdapat waktu menunggu selepas mobilisasi, suatu caj tambahan sebanyak RM870.00 bagi setiap hari pasukan adalah terpakai;

(l) caj di atas terpakai apabila tapak kerja ukur ialah dalam jarak 1 kilometer dari jalan kenderaan bermotor terdekat. Bagi jarak melebihi 1 kilometer pertama, caj tambahan adalah seperti yang berikut:

*Jarak ke tapak kerja dari jalan kenderaan
bermotor*

Caj

0 kilometer hingga 1 kilometer

tiada caj tambahan

Melebihi 1 kilometer tetapi tidak melebihi
5 kilometer

tambahan 20% kepada caj di bawah
perenggan (a) – (f), (h) dan (i)

Melebihi 5 kilometer tetapi tidak melebihi
10 kilometer

tambahan 40% kepada caj di bawah
perenggan (a) – (f), (h) dan (i)

Melebihi 10 kilometer

tambahan 70% kepada caj di bawah perenggan (a) – (f), (h) dan (i)

(m) fi perundingan profesional dan fi mesyuarat, bayaran balik dan caj bagi bekalan transparensi dan cetakan tambahan, jika terpakai, adalah seperti yang diberikan masing-masing di bawah Susunan XII, Susunan XIII dan Susunan XIV.

3. Fi pengukuran untuk sempadan daerah, mukim, bandar dan sempadan desa yang dikenakan caj di bawah Susunan ini bagi setiap kerja hendaklah mengandungi caj yang berikut:

(a) caj asas bagi setiap kerja – RM1,000.00;

(b) caj bagi menerabas termasuk sambungan untuk azimuth, sambungan dan kawalan ialah RM4.00 bagi setiap meter;

(c) caj bagi pengukuran untuk peletakan semula tanda sempadan lama yang hilang atau beralih kedudukan ialah RM170.00 untuk setiap tanda yang ditanam pastian atau diganti;

(d) jika data pengukuran diperlukan untuk dikemukakan dalam format digital, suatu caj tambahan sebanyak 20% daripada caj di bawah perenggan (b) dan (c) adalah terpakai;

(e) dalam kawasan keselamatan—

(i) jika pas keselamatan atau permit perlu diperoleh daripada pihak berkuasa yang berkenaan, suatu caj tambahan sebanyak 25% daripada caj di bawah perenggan (a), (b) dan (c) di atas adalah terpakai; atau

(ii) jika pengiring bersenjata diperlukan dan waktu bekerja telah ditetapkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan, suatu caj tambahan sebanyak 50% daripada caj di bawah perenggan (a), (b) dan (c) di atas adalah terpakai; dan

(iii) jika terdapat waktu menunggu selepas mobilisasi, suatu caj tambahan sebanyak RM 870.00 bagi setiap hari pasukan adalah terpakai.

(f) caj di atas terpakai apabila tapak kerja ukur ialah dalam jarak 1 kilometer dari jalan kenderaan bermotor terdekat. Bagi jarak melebihi 1 kilometer pertama, caj tambahan adalah seperti yang berikut:

<i>Jarak ke tapak kerja dari jalan kenderaan bermotor</i>	<i>Caj</i>
0 kilometer hingga 1 kilometer	tiada caj tambahan
Melebihi 1 kilometer tetapi tidak melebihi kilometer	5 tambahan 20% kepada caj di bawah perenggan (a), (b) dan (c)
Melebihi 5 kilometer tetapi tidak melebihi kilometer	10 tambahan 40% kepada caj di bawah perenggan (a), (b) dan (c)
Melebihi 10 kilometer	tambahan 70% kepada caj di bawah perenggan (a), (b) dan (c)

(g) fi perundingan profesional dan fi mesyuarat, bayaran balik dan caj bagi bekalan transparensi dan cetakan tambahan, jika terpakai, adalah seperti yang diberikan masing-masing di bawah Susunan XII, Susunan XIII dan Susunan XIV.